

**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN MEMBUDAYAKAN PERPADUAN MERAIKAN
KEPELBAGAIAN TAHUN 2014
09/09/2014**

STADIUM TITIWANGSA, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikumwa rahmatullahi wa barakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam 1Malaysia,

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup,
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berhormat Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari,
Ahli Parlimen Setiawangsa;

Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Ahmad Phesal Bin Hj. Talib,
Datuk Bandar Kuala Lumpur;

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian;

Yang Berbahagia Tuan Gandesan A/L Letchumanan,
Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana
Menteri;

Penerima-Penerima Rakan Perpaduan;

Rakan-Rakan Media;

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama menghadiri Majlis Pelancaran Membudayakan Perpaduan Meraikan Kepelbagaian pada petang ini. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional atas inisiatif menganjurkan satu program yang amat penting dalam usaha kita untuk memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama di negara kita.

2. Malaysia adalah sebuah negara yang unik kerana mempunyai rakyat pelbagai kaum, agama, etnik, kebudayaan serta mengamalkan cara hidup yang berbeza. Faktor utama kejayaan Malaysia dalam membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu ialah keupayaan kita memupuk perpaduan dalam sebuah masyarakat majmuk. Oleh itu, sejak dari awal pembentukan negara kita lagi, perpaduan adalah perkara pokok yang dibincangkan oleh para pemimpin kita yang terdahulu. Malah, perpaduan antara kaum-kaum yang terbesar di negara kita menjadi prasyarat utama kemerdekaan negara.

3. Formula utama dalam mewujudkan perpaduan di negara kita adalah memastikan hak dan kepentingan semua kaum dipelihara secara adil dan saksama. Oleh sebab itu, antara asas paling penting pembinaan negara kita adalah jaminan hak bagi setiap kaum yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Atas kebijaksanaan pemimpin kita yang terdahulu, Perlembagaan negara kita digubal dengan mengambil kira bukan sahaja jaminan bagi hak-hak asasi (fundamental rights), tetapi juga hak-hak bagi kaum-kaum yang membentuk masyarakat majmuk Malaysia.

4. Lebih penting lagi, Perlembagaan negara kita juga memastikan hak-hak bagi setiap kaum dijamin secara adil. Kerana itu, sementara Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak, ia juga menjamin hak-hak yang sah bagi kaum-kaum lain yang telah diberikan hak kerakyatan di bawah Bahagian III Perlembagaan. Di dalam Perkara 152, Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan tetapi pada masa yang sama kaum bukan Melayu berhak untuk mempelajari bahasa ibunda masing-masing. Begitu juga dalam hal agama. Perkara 3 menjadikan Islam sebagai Agama Persekutuan dan pada masa yang sama Perkara 11 menjamin hak bagi penganut-penganut agama lain untuk mengamalkan agama masing-masing dalam keadaan aman dan harmoni di negara ini.

5. Di samping itu, Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa perkara-perkara penting yang berkait dengan hak istimewa kaum Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak serta hak-hak yang sah bagi kaum-kaum lain, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan hak-hak kerakyatan tidak boleh dipinda melainkan dengan perkenan Majlis Raja-Raja. Ini bagi memastikan perkara-perkara penting yang menjadi asas persefahaman dan keharmonian kaum di negara kita tidak mudah untuk dirungkai malah akan terus termaktub di dalam Perlembagaan.

6. Kepentingan perkara-perkara asas ini dizahirkan lagi oleh Perlembagaan apabila Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa Parlimen boleh meluluskan undang-undang yang menyekat kebebasan bersuara bagi tujuan menghalang mana-mana pihak daripada mempersoalkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan hak keistimewaan kaum Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak serta hak-hak yang sah bagi kaum-kaum lain, kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa

Kebangsaan dan hak bagi semua kaum untuk mempelajari bahasa ibunda masing-masing, hak-hak mengenai kerakyatan dan kedudukan istimewa Raja-Raja Melayu. Sehubungan itu, Akta Hasutan 1948 yang dipinda selepas tragedi berdarah 13 Mei 1969 menetapkan tindakan mempersoalkan perkara-perkara penting yang telah termaktub di dalam perlembagaan ini sebagai satu perbuatan menghasut yang boleh dihukum oleh mahkamah.

7. Saya menyatakan satu persatu peruntukan perlembagaan dan undang-undang yang berkaitan dengan hak-hak bagi semua kaum di Malaysia kerana ia merupakan asas penting yang perlu kita pertahankan dalam memelihara keharmonian dan keamanan negara kita. Jelasnya, perlembagaan negara kita bukan sahaja memberi jaminan hak yang adil dan saksama kepada semua kaum, malah memberi kuasa kepada Parlimen untuk menggubal undang-undang yang menyekat kebebasan bersuara bagi memastikan perkara-perkara yang telah termaktub di dalam perlembagaan ini tidak mudah dipersoal oleh sesiapa pun. Tidak ada mana-mana pihak boleh mengatakan mereka mempunyai hak kebebasan bersuara dalam mempersoalkan perkara-perkara asas yang membentuk Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang aman dan harmoni kerana perlembagaan sendiri tidak menganggap ia sebagai satu hak.

8. Maka dalam semangat menghargai serta menghormati Perlembagaan negara kita, wajar sekali seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum menghindari perbuatan yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan mengancam keharmonian negara. Ini amat penting kerana sejak akhir-akhir ini telah wujud satu kecenderungan dalam kalangan segelintir individu yang tidak bertanggungjawab untuk membuat kenyataan-kenyataan biadap yang menghina kaum dan agama tertentu. Kenyataan-kenyataan ini yang menjadi viral di media sosial berpotensi untuk mencetuskan ketegangan kaum dan agama jika tidak dikawal.

9. Saya percaya, demi memastikan keharmonian kaum dan agama di negara kita tidak dicemari oleh tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab, penguatkuasaan undang-undang sedia ada perlu diperketatkan khususnya bagi menangani jenayah hasutan yang dilakukan di media sosial. Pihak polis, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Jabatan Peguam Negara perlu mengambil tindakan yang segera dan tegas bagi membendung jenayah hasutan daripada menular dalam masyarakat kita. Ketegasan kerajaan dalam membendung jenayah hasutan adalah penting dalam usaha untuk memastikan keharmonian kaum dan perpaduan rakyat di negara kita terus terpelihara.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

10. Sebagai sebuah negara majmuk, cita-cita kita untuk menjadi sebuah negara maju

dan menikmati taraf hidup yang lebih baik hanya akan dapat dicapai jika kita terus memperkukuhkan perpaduan nasional. Tanpa perpaduan nasional tidak akan wujud kestabilan politik yang menjadi teras segala kejayaan kita selama ini. Jelasnya, merealisasi perpaduan nasional adalah satu usaha berterusan yang dilaksanakan semenjak negara mencapai kemerdekaan hingga ke hari ini. Ia akan terus menjadi perjuangan kita yang akan diwariskan daripada generasi ke generasi. Oleh itu, adalah menjadi satu amanah yang amat penting bagi kita semua untuk terus membugar dan membajai benih-benih perpaduan di negara kita.

11. Pada petang ini, semua kita yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan agama berhimpun sebagai rakyat Malaysia dalam semangat perpaduan yang sejati. Ini merupakan satu testimoni bahawa kita sentiasa berusaha untuk memperteguh dan memperkasakan perpaduan nasional. Melalui pelancaran tema dan mesej-mesej yang mengandungi unsur perpaduan pada petang ini, saya berharap agar seluruh rakyat pelbagai kaum di Malaysia dapat menghayati dan membudayakan perpaduan sebagai satu cara hidup yang harmonis dalam sebuah masyarakat yang bertamadun.

12. Saya berdoa agar usaha murni yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional pada petang ini akan melakar satu sejarah penting dalam usaha kita untuk membina sebuah negara maju yang bersatu padu. Semua pihak samada agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan media massa yang berperanan menyemat nilai-nilai yang mampu memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat serta membudayakan di dalam kehidupan seharian akan menerima pengiktirafan kerajaan dan dilantik sebagai RAKAN PERPADUAN.

13. Akhirnya, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan tahniah kepada YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di atas penganjuran program yang begitu bermakna kepada masa depan rakyat dan negara kita pada hari ini.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Program Membudayakan Perpaduan Meraikan Kepelbagaian.

Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.